

16 SEP 1999

Undang-undang-Ibrahim

PERSIDANGAN UNDANG-UNDANG KOMANWEL TINGKATKAN IMEJ MALAYSIA

PETALING JAYA, 16 Sept (Bernama) -- Persidangan Undang-undang Komanwel Ke-12 yang tamat hari ini berjaya meningkatkan imej badan kehakiman dan sistem perundangan Malaysia, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali.

Beliau berkata para peserta telah mengambil bahagian secara aktif dan membincangkan pelbagai isu termasuk sistem perundangan dan kebebasan badan kehakiman di Malaysia.

"Saya gembira menyatakan persidangan ini satu lagi bukti kita rakyat Malaysia mendaulatkan sistem demokrasi dan kebebasan untuk bersuara," katanya kepada pemberita di Pusat Persidangan Sunway Pyramid.

Sebanyak 1500 perwakilan dari 40 negara Komanwel menghadiri persidangan empat hari itu, yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Isnin.

"Kita akan cuba menggunakan cadangan mereka sebagai garis panduan bagi memperkukuhkan sistem demokrasi kita dan mempersiapkan negara ke alaf yang akan datang," katanya.

Ibrahim berkata kerajaan telah memberikan bantuan yang diperlukan, termasuk kewangan untuk memastikan kejayaan persidangan itu.

-- BERNAMA

RV RI